

## Penerapan Nilai-Nilai Islam dan Hubungannya dengan Perubahan Sosiobudaya Masyarakat Islam di Brunei Darussalam

Dr. Dyg Hajah Ummi Fa'izah Bt Hj.Abdul Rahman  
Centre for Promotion of Knowledge and Languages.  
Sultan Sharif Ali Islamic University (UNISSA)  
faizah.rahman@unissa.edu.bn

Vol.1, Issue 1 | January 2018

### KATA KUNCI

Nilai-nilai Islam,  
Sosiobudaya, MIB,  
Masyarakat Brunei

### ABSTRAK

Borneo yang kaya dengan bahan mentah dan pelabuhan perdagangan yang strategik di Alam Melayu telah menarik minat orang-orang Eropah termasuk British dan Belanda untuk melebarkan kuasa jajahan mereka. British telah menakluki bahagian utara Borneo iaitu Brunei bermula pada awal tahun 1774, apabila wakil dari English East India Company (EEIC), John Jesse datang ke Brunei untuk membuka rundingan berkenaan dengan lada hitam. Bermula detik perkenalan itu, hubungan Brunei dengan British berterusan di abad 19 sehingga Brunei mencapai kemerdekaannya pada tahun 1984, iaitu 210 tahun kemudiannya. Walaupun, kedatangan British ke Borneo tujuan utamanya ialah politik dan perniagaan, tetapi secara langsung turut menyekat perkembangan Islam disana. Namun, bermula tarikh kemerdekaan Brunei pada 1 Januari 1984, masyarakat Brunei mula melakukan perubahan sosiobudayanya apabila Sultan Brunei mengisytiharkan Brunei sebagai Negara Melayu Islam Beraja yang Merdeka, Berdaulat dan Demokratik bersendikan Ajaran Agama Islam. Ini bermakna, Islam itu bukan hanya sebagai cara hidup yang lengkap tetapi menjadikannya sebagai kemudi, dasar dan falsafah Negara Brunei Darussalam. Penerapan nilai-nilai Islam mula dilaksanakan melalui Kementerian Hal Ehwal Ugama Brunei. Dengan penerapan nilai-nilai Islam tersebut berlaku beberapa perubahan sosiobudaya dalam masyarakat Islam di Brunei seperti dalam kepercayaan dan aqidah, adat, politik, ekonomi, sosial dan pendidikan. Secara keseluruhannya dapat disimpulkan bahawa dengan dasar penerapan nilai-nilai Islam, masyarakat Brunei mengalami perubahan sosiobudaya.

### Pendahuluan

Menurut Ibn Khaldun, suasana persekitaran, iklim, udara, dan yang seumpamanya mempunyai pengaruh yang besar terhadap watak dan tabiat manusia. Bukan hanya pada pembentukan watak dan tabiat, bahkan juga pada kepercayaan dan pandangan hidup (*world-view*), keadaan sekeliling memang berpengaruh besar terhadap pembentukannya (Ibn Khaldun 1983:151).

Sebagaimana yang terjadi di Nusantara amnya dan Negara Brunei Darussalam khususnya, kedatangan Islam telah banyak merubah cara hidup masyarakat Brunei. Dari kegelapan kepada cahaya, seperti itulah Islam telah mengenalkan sistem hidup yang selengkapnya kepada umat manusia. Seperti juga negara yang lain, Brunei Darussalam telah mengalami banyak perubahan terutama sekali dari sudut akidah, kepercayaan dan pegangan hidup.

Mempunyai akidah yang betul dan sebenar-benarnya iaitu Islam, itulah yang kemudiannya mencorak sosiobudaya masyarakat Brunei. Penerapan nilai-nilai Islam yang diterapkan secara beperingkat-peringkat, dari mula Sultan pertama Brunei memeluk Islam, sehinggalah Brunei mengalami sistem residen dari pihak British, kemudiannya, Perlembagaan Bertulis 1959 dan seterusnya kemerdekaan pada tahun 1984, sehinggalah kini 2017, banyak perkembangan Islam yang telah dilalui oleh Brunei serta perubahan sosiobudayanya.

Artikel ini akan membahaskan mengenai penerapan nilai-nilai Islam dan hubungannya dengan perubahan sosio-budaya masyarakat Islam. Banyak perubahan yang telah dialami masyarakat Islam di Brunei Darussalam dari sejak terlepasnya dari sistem residen British hinggalah sekarang. Dalam tempoh 33 tahun kemerdekaan ini, perkembangan nilai-nilai Islam di Brunei Darussalam menyerap dengan perlahan-lahan.

### **Latar Belakang Sosiobudaya masyarakat Brunei Sebelum Islam**

Kehidupan manusia seringkali dipengaruhi oleh keadaan persekitarannya seperti iklim, udara, pekerjaan dan sebagainya. Faktor persekitaran banyak mempengaruhi watak, tabiat dan kepercayaan mereka. Masyarakat Brunei Darussalam di zaman pra Islamnya sudah mempunyai kebudayaan dan peradaban walaupun tahap keduanya ini masih rendah jika dibandingkan dengan pencapaian manusia di zaman sekarang sesuai dengan perkembangan zaman dan pertumbuhan masyarakat itu sendiri.

Setiap bangsa yang tua dalam sejarahnya akan berbangga dengan warisan kebudayaan dan peradaban yang diterima daripada nenek moyang mereka di zaman dahulu kala. Demikianlah juga masyarakat Brunei Darussalam sehingga sebahagian daripada warisan kebudayaan itu dipelihara dengan baik untuk diwariskan pula kepada generasi berikutnya.

Kebanyakan negara di Asia Tenggara ini menerima pengaruh Hindu sebelum kedatangan Islam. Walau bagaimanapun adalah agak sukar untuk menilai kesan daripada proses itu dalam konteks Brunei kerana tidak ada disebutkan tentang kemasukan pengaruh Hindu yang besar di Brunei dan juga Pulau Borneo. Akan tetapi tidaklah dinafikan bahawa berbagai bentuk pengaruh Hindu masih ada di Brunei hingga ke hari ini walaupun cara pengamalannya telah banyak berubah dan disesuaikan dengan ajaran Islam (Coedes 1958:2).

Sebagai sebuah Negara yang dalam jangka masa yang begitu lama berada di bawah kekuasaan Seri Wijaya dan Majapahit, sudah tentu kebudayaan Hindu yang dibawa oleh kedua-dua empayar ini mendalam

kesannya di Brunei Darussalam, malah juga di lain-lain Negara di Asia Tenggara (P.Ongkili 1972). Cuma pengaruh tersebut bukan merupakan kesan-kesan tinggalan seumpama barang material seperti rumah, berhala, patung dan candi seperti yang terdapat di Jawa, kerana di Brunei Darussalam kesan-kesan seperti ini sukar dijumpai, sebaliknya ia terjelma dalam bentuk sesuatu upacara (Harrison, 1949) pemakaian adat istiadat oleh raja-raja dan rakyat, penggunaan bahasa Sanskrit, adat perkahwinan dan lain-lain lagi (Ahmad Ibrahim, 1973). Kepercayaan dan agama Hindu telah bertapak berabad-abad lamanya di Brunei khususnya dan di Nusantara umumnya, namun cara penghayatannya dalam masyarakat Melayu adalah berbeza dengan cara penghayatan dalam kalangan masyarakat Hindu sendiri. Bagi orang Melayu, kepercayaan Hindu lebih merupakan gambaran imaginasi untuk mengagungkan tokoh sedangkan bagi orang-orang Hindu sendiri, mereka cuba menghayati ajaran dan mempraktikkan falsafahnya (Al-Attas, 12).

Antara anutan Melayu ialah animisme yang merupakan kepercayaan kepada makhluk-makhluk halus dan roh. Kepercayaan ini berkait rapat dengan suasana kehidupan masyarakat yang bergantung kepada alam sekitar, muka bumi dan sebagainya untuk menggerakkan aktiviti pertanian yang menjadi sumber ekonomi mereka. Ianya telah melahirkan satu bentuk kepercayaan bahawa setiap yang ada di sekeliling mereka juga hidup dan mempunyai roh, semangat dan keperibadian yang tersendiri (Abdul Rahman, 1983). Sebagai orang yang hidup di zaman animisme, mereka percaya kepada kuasa-kuasa ghaib yang boleh mendatangkan mudarat dan manfaat kepada seseorang, baik di darat mahupun di laut. Mereka percaya laut mempunyai penunggu, sebagaimana kayu ara, bukit, gunung dan hutan belukar juga mempunyai penunggu, kerana itu mereka harus pandai memujuk dan melayani penunggu tersebut. Salah satu cara yang menjadikan mereka berani menghadapi segala bahaya yang mungkin ditimpakan oleh penunggu itu ialah dengan menggunakan jampi mantera, dengan jampi mantera mereka menghalau penunggu, dan jampi mantera juga merupakan satu cara perubatan tradisional yang masyhur di zaman silam (Pengiran Haji Mohammad, 1992).

Boleh dikatakan yang semangat animisme cukup tebal pengaruhnya dalam kehidupan masyarakat dan merupakan sesuatu yang dipatuhi dari satu generasi ke generasi yang lain hingga menyebabkan ia sangat sukar dihapuskan.

Antara kepercayaan orang Brunei suatu ketika dahulu juga adalah kepercayaan hinduisme, yang mana ianya merupakan satu bentuk kepercayaan yang datang dari pengaruh India di rantau ini. Pemerintah beragama Buddha dan anak Raja Hindu kerap kali mengenal diri mereka sebagai wakil atau penjelmaan semula Indra, Dewa Tufan zaman kuno

yang mewakili kekuasaan dan kekuatan seorang Raja (Cady, 1964).

Hasil dari kepercayaan Hindu juga, sesetengah orang percaya bahawa Awang Alak Betatar berasal dari alam dewa-dewa. Kononnya dia berasal dari sebiji telur dari kayangan yang diturunkan di hulu Sungai Limbang dekat Brunei (Brown, 1970). Setelah beberapa lama telur tersebut kemudiannya terbelah kepada empat bahagian, lalu keluarlah seorang pemuda bernama Sadak, juga bergelar Sultan Dewa Emas Kayangan. Dia berkahwin dengan seorang perempuan dari puak Murut di Ulu Limbang yang kemudiannya melahirkan empat belas orang anak di antaranya ialah Awang Alak Betatar. Kesemua anak Sadak ini telah dibawanya pergi ke kayangan, tetapi hanya Sadak yang tinggal di kayangan, sementara anak-anaknya balik ke dunia dan Awang Alak Betatar menjadi Raja Brunei (Brown, 1970). Perkara ini adalah sesuatu yang tidak dapat diterima secara rasional, tetapi bagi orang dahulu yang tiada pegangan agama, ianya merupakan perkara lazim yang mereka percaya.

Antara adat kebiasaan yang diamalkan masyarakat Brunei suatu ketika dahulu juga adalah, tradisi 'mandi safar'. Mandi safar ialah mandi-mandi di sungai atau di tepi pantai pada hari Rabu yang akhir dalam bulan Safar untuk memperingati hari yang banyak sekali diturunkan bala ke dunia ini. Amalan ini dipercayai bid'ah, kerana amalan ini telah meningkat ke tahap pesta-pestaan yang bertentangan dengan Islam (Mohammad, 1994).

Contoh yang paling menonjol juga ialah penggunaan bahasa Sankrit dalam "ciri" ketika Raja Brunei hendak mengurniakan sesuatu gelaran kepada pembesar-pembesar atau orang yang berjasa di Brunei. Sebenarnya penggunaan ciri itu bukan sahaja digunakan di Brunei bahkan di negeri-negeri Semenanjung Tanah Melayu yang pernah dipengaruhi oleh Hindu, dan nama-nama gelaran yang dikurniakan kepada pembesar-pembesar Negara Brunei hingga sekarang ini ada yang masih dalam bahasa Sanskrit seperti Maharaja Lela, Paduka Tuan, Perdana Wangsa, Udana Laila dan lain-lain lagi (Mohammad Zain, 1992). Demikian juga dalam acara menjalankan adat istiadat menggelar dengan menggunakan tepak sirih pinang yang diangkat ke atas bahu kiri dan kanan kemudian ke atas kepala yang hendak digelar dan juga adat makan sirih di kalangan orang-orang Brunei (Yahya 1969).

Dari sumber yang diambil dari China pula, yang pernah mengembangkan kekuasaannya di alam Melayu, daripada segi pegangan hidup, orang Brunei menganut agama Buddha, tetapi mereka tidak mengadakan patung-patung untuk disembah. Rumah tempat beribadat bagi penganut Buddha ini bertingkat-tingkat tetapi beratap dan bentuknya seakan-akan bentuk menara, sebagaimana yang dicatatkan oleh Chau Ju-Kua,

'kepercayaan orang Buddha mengenai tuhan mereka tidak melambangkan bentuk manusia, tempat kediamannya merupakan sebuah bangunan yang bertingkat-tingkat ditutupi oleh mensiang, berbentuk seperti pagoda; dibawahnya terdapat sebuah peti suci tempat menyimpan dua biji mutiara, ini dipanggil Budhha Suci' (Hirth 1966:157).

Apabila seseorang itu mati, mereka akan dimasukkan ke dalam keranda yang diperbuat daripada buluh. Selepas itu mayat akan dibuang jauh ke dalam hutan untuk menjadi makanan binatang buas. Dua bulan kemudiannya, barulah mereka melawat keranda itu dan memulakan kerja-kerja bercucuk tanam di situ (Pengiran Haji Mohammad, 1992).

Dalam upacara perkahwinan pula, sungguhpun primitif tetapi ada juga tradisinya sendiri. Pihak lelaki akan meminang pihak perempuan, proses ini dimulakan dengan menghantarkan arak kepada pihak perempuan, kemudian barulah menghantar pinang, setelah tu menghantar cincin. Akhirnya, barulah menghantar pakaian, kain-kain dan emas perak (Pengiran Haji Mohammad, 1992). Demikian juga, adat melangsungkan upacara perkahwinan yang di antaranya majlis berbedak, berinai, memasang dian di pelaminan, bersanding dan banyak lagi juga adalah antara pengaruh dari Hindu (Yahya, 1969).

Keadaan Raja Brunei juga digambarkan oleh riwayat Cina tersebut. Menurutnya, pakaian yang biasa dipakai oleh Raja Brunei seakan-akan sama dengan pakaian yang dipakai oleh kebanyakan orang Cina, baginda tidak berkasut, tetapi memakai gelang emas di tangan dan di punggung berbalut dengan kain samping (Pengiran Haji Mohammad, 1992). Kaum perempuan pula, memakai baju blaus pendek yang menutup bahagian depan dan belakang sahaja serta menguraikan rambut mereka (Graham Saunders, 2002).

Daripada gambaran-gambaran ini sedikit sebanyak dapat membayangkan keadaan hidup di Brunei Darussalam pada masa dahulu. Penggunaan arak sebagai minuman, memakai emas bagi orang laki-laki dan cara pengurusan mayat adalah sebagai contoh yang jelas memperlihatkan masyarakat Brunei Darussalam belum menganut Islam masa itu, atau walaupun Islam sudah datang, tetapi ajarannya belum tersebar luas.

#### **Latar Belakang Sosiobudaya masyarakat Brunei setelah Islam**

Islam telah menjadi agama rasmi selepas Sultan Muhammad Shah menjadi Sultan Pertama bagi Brunei Darussalam dan Kerajaan pertama yang mengamalkan hukum Islam (peringkat awal hukum-

hukum asas, sembahyang dan puasa) seperti dalam Silsilah Raja-Raja Brunei.

Yang pertama-pertama Kerajaan di Negeri Brunei membawa hukum Islam mengikut syariat Nabi kita Muhammad Sallahualaihi Wassalam di Negeri Brunei iaitu Paduka Sultan Muhammad (Muhammad Jamil, 1971:8).

The first held the sovereignty in the city of Brunei and who introduced the Mohameden religion and observed the institutions of Prophet Muhammad on whom he be peace, was the Paduka Seri Sultan Mohamed (Low, 1880:1-2).

Brunei sebagai Kesultanan Melayu Islam telah diiktiraf oleh Kerajaan Melaka pada tahun 1406M iaitu sempena lawatan Sultan Muhamamd Shah ke Melaka. Keterlewatan pengisytiharan pengislaman baginda dan kewujudan Kesultanan Melayu Islam Brunei adalah disebabkan Brunei sebelum tahun 1371M masih dalam kekuasaan Majapahit yang beragama Hindu-Buddha. Brunei hanya muncul sebagai Kesultanan Melayu Islam setelah kemunculan Melaka sebagai Kesultanan Melayu Islam yang disegani di rantau ini pada awal abad ke 15M dan runtuhnya kekuasaan Majapahit di Jawa. Peluang tersebut Brunei gunakan untuk menjalin persahabatan dengan kerajaan Melaka, Pasai dan Cina.

Sultan Sharif Ali memerintah tahun 1425-1432M (Md Jamil 1992:XXV, Abd Aziz 1992:XXXI). Baginda adalah Sultan Brunei yang bertanggungjawab mengukuhkan pelaksanaan syariat Islam. Pada zaman pemerintahannya, Baginda membina masjid dan memperkuat pertahanan Brunei dengan pembinaan Kota Batu (Sweeney 1969:1). Baginda juga telah mengatur sistem pentadbiran masjid. Dakwah Islamiah di Brunei telah berkembang pesat dengan kehadiran Sultan Sharif Ali. Beliau seorang pendakwah yang memiliki ciri-ciri kepimpinan unggul sehingga berjaya mengislamkan Awang Alak Betatar menjadi Sultan Muhammad Shah. Sultan Sharif Ali telah mendapat kepercayaan rakyat Brunei sehingga ditabalkan menjadi Sultan Brunei serta dikasihi lagi dihormati dengan panggilan "Sultan Berkat". Zaman pemerintahan baginda telah memberikan asas yang kukuh untuk menjadikan Brunei sebagai pusat perkembangan Islam menggantikan Melaka setelah kejatuhannya pada 1511M.

Pada umumnya, Kesultanan Brunei Darussalam berjaya memberikan sumbangan yang besar ke arah menguatkan kedudukan Islam di Brunei Darussalam, adalah atas sokongan beberapa faktor. Antaranya, adanya sultan-sultan dan rakyat Brunei yang berpegang teguh kepada ajaran Islam. Kedua, wujudnya kemantapan pentadbiran dalam negeri oleh sultan-sultan Brunei Darussalam yang berasaskan kepada keadilan sehingga rakyat merasa cukup bahagia dan senang memberikan taat setia

yang ikhlas lagi tiada berbelah bahagi. Ketiga, kesedaran sultan-sultan Brunei Darussalam tentang perlunya membina angkatan perang dan pertahanan yang kuat. Keempat, adanya layanan dan diplomasi yang halus oleh sultan-sultan Brunei Darussalam terhadap pedagang-pedagang dan pelawat-pelawat dari luar negeri yang menunjukkan sikap toleransi, sama ada mereka itu penganut Islam atau bukan.

Penyebaran Islam di Brunei yang telah dilaksanakan oleh Kesultanan Melayu Islam dari awal lagi, yang telah mencorak hidup masyarakat Islam di Brunei kini. Semangat kepahlawanan dan kekuatan lahiriah dan ruhiyyah dalam mereka mempertahankan aqidah Islam adalah sungguh mengharukan. Walaupun kemudahan teknologi yang terbatas jika dibandingkan dengan zaman sekarang, mereka masih juga bersemangat dan tidak berputus asa dalam usaha penyebaran dakwah. Banyak ujian dan rintangan yang telah dilalui, dan berjayanya mereka melepasi segala ujian itu lah yang menguatkan lagi semangat dan azam Sultan-Sultan seterusnya sehinggalah sekarang iaitu zaman pemerintah Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

#### **Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam**

Kebawah Duli Yang Maha Mula Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah menaiki takhta Kerajaan pada Hari Khams 1 Rejab 1387 (5 Oktober 1967) (Pg Hj Mohammad 2003:395). Baginda telah berikrar akan melaksanakan tugas-tugas Baginda sebagai seorang Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, juga akan melaksanakan dasar-dasar Paduka Ayahanda Baginda dalam usaha memelihara keamanan, keselamatan dan kemakmuran Negara Brunei Darussalam. Baginda juga berikrar untuk menjunjung dan melindungi Agama Islam serta Adat Istiadat di Negara ini (Abdul Aziz 1992:LX).

Akhirnya, setelah hampir 3 dekad di bawah jajahan British, pada 1 Januari 1984, KDYMM Sultan Hj Hassanal Bolkah memasyhurkan dan mengisytiharkan kemerdekaan Negara Brunei Darussalam, Baginda dengan tegas telah menyatakan hasrat Baginda untuk menjadikan Islam itu bukan hanya sebagai cara hidup yang lengkap tetapi menjadikannya sebagai kemudi, dasar dan falsafah Negara. Antara lain titah Baginda :

Dengan ini memasyhurkan dan mengisytiharkan dengan nama Beta dan bagi pihak diri Beta dan bagi pihak pengganti-pengganti dan bagi pihak rakyat Negara Brunei Darussalam bahawa mulai dari 1 Januari Tahun Masihi 1984 bersamaan dengan tahun yang ketujuh belas Beta di atas Takhta Kerajaan Negara Brunei Darussalam adalah dan dengan izin serta limpah kurnia Allah *Subhanahu Wataala* akan untuk selama-lamanya kekal menjadi sebuah Negara Melayu Islam Beraja yang Merdeka, Berdaulat dan Demokratik bersendikan kepada ajaran-ajaran Agama Islam menurut Ahlis Sunnah Wal-Jema'ah dan

berasaskan keadilan dan keamanan dan kebebasan dan dengan petunjuk serta keredhaan Allah Subhanahu Wataala jua akan sentasa berusaha pada memperoleh ketenteraman dan keselamatan, kebajikan serta kebahagiaan bagi rakyat Beta dan demikian juga pemeliharaan perhubungan persahabatan di kalangan antarabangsa atas dasar saling menghormati terhadap kemerdekaan, kedaulatan, persamaan dan keutuhan wilayah bagi semua Negara yang bebas daripada campurtangan dari luar negeri. (Perlembagaan Negara Brunei Darussalam 1959,Ms:32)

Dasar yang tersebut diatas (MIB) pernah dibincangkan juga oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien dengan pihak *Colonial Office*, pada 30 September 1957 dengan pendirian Kerajaan HM the Queen adalah seperti berikut :

.....Kerajaan Baginda Queen ingin menentukan bahawa tiada sebarang cadangan yang harus dibuat yang boleh menggugat status Brunei sebagai Kerajaan Melayu Islam Beraja. Walau bagaimanapun, tidaklah sukar untuk menunjukkan bahawa hubungan erat dengan kedua buah jajahan yang lain akan menguatkan Kerajaan Islam Brunei (Muhammad Jamil 1992:50).

Penulis berpendapat bahawa, minat dan rasa tanggungjawab mendalam yang baginda Sultan miliki telah banyak mencorak perkembangan agama Islam di Brunei,yang mana ketika ini jelas kelihatan falsafah Negara , Melayu Islam Beraja (MIB) yang baginda hasratkan untuk menjadi cara hidup masyarakat Islam Brunei terlaksana sehinggalah sekarang. Falsafah MIB ini jelas kelihatan diamalkan di kalangan masyarakat Islam di Brunei.

### **Kementerian Hal Ehwal Ugama Brunei Darussalam**

Di atas perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduk Seri Baginda Sultan Haji Hassanul Bolkih Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, pada 16 Safar 1407 bersamaan dengan 21 Oktober 1986, Baginda telah memperkenankan Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei (JHEUB) yang telah ditubuhkan lebih 30 tahun dengan mengalami berbagai-bagai pertumbuhan dan perkembangan, sejak sebelum merdeka sampailah kepada kemerdekaan, untuk menjadi sebuah kementerian dalam Kerajaan Baginda. Ini bermakna JHEUB telah dinaikkan tarafnya menjadi Kementerian Hal Ehwal Ugama Brunei (KHEUB).

Susunan pentadbiran KHEU pada mulanya terdapat lima buah jabatan iaitu Jabatan Pentadbiran, Jabatan Hal Ehwal Syariah, Jabatan Pengajian Islam, Jabatan Urus Haji dan Perhubungan Muslimin dan Pusat Da'wah Islamiah (Abd Aziz 1992:73). Kini 2017, ada

23 jabatan yang ada dibawah Kementerian Hal Ehwal Ugama, iaitu Pejabat Menteri, Pejabat Timbalan Menteri, Pejabat Setiausaha Tetap, Pejabat Timbalan Setiausaha Tetap, Jabatan Pentadbiran, Jabatan Majlis Ugama Islam, Jabatan Hal Ehwal Syariah, Jabatan Urusan Haji. Jabatan Hal Ehwal Masjid, Jabatan Pengajian Islam, Unit Perundangan Islam, Pusat Da'wah Islamiah, Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Belait, Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Tutong, Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Temburong, Bahagian Perhubungan Awam dan Antarabangsa, Bahagian Kemajuan Syiar Islam, Bahagian Dasar dan Inspektorat, Bahagian Teknologi Maklumat, Bahagian Bangunan dan Pemeliharaan, Bahagian Sumber Manusia, Institut Tahfiz Al Quran Sultan Haji Hassanul Bolkih dan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan.

Majlis Ugama Islam adalah sebuah pertubuhan yang tertinggi di Negara Brunei Darussalam. Majlis Ugama Islam adalah pembuat dasar untuk menentukan hala tuju pentadbiran Ugama Islam di Negara Brunei Darussalam. Kementerian Hal Ehwal Ugama adalah sebagai pelaksana dan pendokong terhadap dasar yang telah dibuat oleh Majlis Ugama Islam. Tugas dan peranan utama Majlis Ugama Islam ialah membantu dan menasihati Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam semua hal yang berkaitan dengan agama Islam.

Jabatan Hal Ehwal Syar'iah telah ditubuhkan pada 21hb. Oktober, 1986 iaitu, sejak Jabatan Hal Ehwal Ugama dinaikkan tarafnya menjadi sebuah kementerian yang sekarang dikenali sebagai Kementerian Hal Ehwal Ugama. Antara objektif jabatan ini adalah untuk mengawal masyarakat Islam di negara ini dari melakukan perkara yang bertentangan dengan akidah Islam dan hukum syara', mengawal dan memastikan kehalalan daging yang diedarkan di negara ini, membantu masyarakat dalam perkara yang berhubungkait dengan hal ehwal keluarga Islam, memastikan umat Islam di negara ini akan berpegang teguh kepada ajaran ugama Islam menurut aliran Ahli Sunnah Wal Jamaah dari segi akidahnya dan mazhab Syafie dari segi syariahnya, menyediakan hasil kajian dan penyelidikan yang berkualiti bagi tujuan perancangan, pelaksanaan dan penghayatan syariahnya dan juga memastikan setiap pegawai dan kakitangan berkhidmat dengan cekap, berkesan, penuh iltizam dan istiqamah.

Di antara program-program yang telah dilaksanakan oleh pihak Kementerian Hal Ehwal Ugama Brunei ialah Perkhidmatan Lembaga Mengeluarkan Permit Import Halal, Khidmat Nasihat Keluarga, Khidmat KHEU berkenaan dengan Haji dan Umrah, Perkhidmatan Pengurusan Muallaf, Perkhidmatan Penapisan, Perkhidmatan Pengurusan Jenazah, Perkhidmatan doa, Perkhidmatan berkaitan dengan Bantuan Majlis Ugama Islam, khidmat KHEU

berkenaan dengan wakaf, latihan dalam atau luaran yang ditawarkan oleh KHEU.

### **Perubahan Sosio Budaya masyarakat Islam Brunei selepas penerapan Nilai-nilai Islam**

Kedatangan Islam ke Brunei telah membawa banyak perubahan dan pembaharuan kepada penduduk tempatan bukan sahaja dalam aspek kebudayaan malah dalam aspek politik, ekonomi dan sosial. Islam telah membawa satu ajaran yang rasional, radikal dan progressif.

Datangnya Islam ke Alam Melayu termasuklah Brunei pada abad ke 12 dan ke 13 Masehi, telah melahirkan tamadun Islam di Alam Melayu yang bersumberkan Al-Qur'an, yang meliputi akidah, syariat dan akhlak, ketiga-tiganya menjadi penggerak dan mencetuskan kebudayaan dan tamadun Islam. Di samping itu, umat Islam sendiri yang terdiri dari berbagai-bagai bangsa dan puak mengkaji adat resam dan kebudayaan yang mereka warisi, pada amnya perkara-perkara yang tidak bertentangan dengan Islam akan terus dipakai, dan perkara-perkara yang berlawanan dengan Islam akan dibuang atau disesuaikan dengan ajaran-ajaran Islam (Mohd Zain, 1992:35).

Kedatangan Islam telah membawa perubahan dan pembaharuan dalam kepercayaan adat masyarakat Melayu Brunei. Namun begitu, ada beberapa adat yang masih tidak dapat dipisahkan dari kehidupan masyarakat Brunei dengan pengaruh Hindu yang sudah lama bertapak di Brunei, iaitu beberapa perkara dari segi adat perkahwinan. Walau bagaimanapun, sebahagian besar adat Hindu yang menjadi amalam masyarakat Brunei suatu ketika dahulu telah lenyap dengan kedatangan Islam. Peranan dari pelbagai pihak untuk menerapkan nilai-nilai Islam dari mula Islamnya Sultan yang pertama hinggalah sekarang, telah banyak mengubah cara hidup dan adat masyarakat Brunei kini. Beberapa adat yang masih bertahan sehingga kini terlebih dahulu adalah melihat kepada bertentangan dengan hukum syara' ataupun tidak. Jika ianya bertentangan, adat itu akan terhapus dari masyarakat Brunei, contohnya seperti adat 'mandi safar'.

Di Brunei juga, tidak ada perubahan tradisi yang lebih ketara dilihat selain daripada adat-adat perkahwinan. Banyak adat itu telah berubah disebabkan oleh pengaruh sosial dan agama Islam. Beberapa bentuk adat perkahwinan telah berubah kerana keinginan mengikut sunnah Nabi seperti tempat mengadakan Majlis Akad Nikah yang diadakan di masjid. Ada juga kumpulan yang tidak mahu sama sekali mengadakan majlis bersanding dengan alasan majlis seumpama itu mempunyai unsur kehinduan. Agak menarik juga bahawa adat untuk menentukan dara seseorang pengantin

perempuan jarang lagi diadakan. Dalam hal ini, arus kemodenan mengambil peranan, melebihi tradisi.

Satu lagi bentuk tradisi ciptaan dalam Majlis Perkahwinan ialah adat ziarah (jarah) yang dilakukan oleh ibu bapa atau wakil pengantin lelaki atau perempuan kepada para jemputan yang hadir. Amalan seperti ini memanglah bersesuaian dengan ajaran Islam yang menggalakkan umatnya menziarahi jiran atau sahabat dalam waktu senang apatah lagi waktu susah. Kedua ibu bapa atau wakil pengantin akan menziarahi jemputan sebagai mengucapkan ribuan terima kasih atas kehadiran mereka yang biasanya ditempatkan berasingan mengikut jantina. Bentuk hadiah juga berubah. Wang tunai adalah bentuk paling dominan kerana ia memberi kebebasan kepada pengantin dan keluarga mereka untuk mendapatkan keperluan yang mereka sendiri fikirkan bersesuaian (Abdul Latif, 1989:1).

Dari sudut politik, Islam memperkenalkan sistem pemerintahan beraja kepada Masyarakat Islam Brunei, sebelum kedatangan Islam, sistem beraja telah wujud dalam struktur pemerintahan di Nusantara dengan corak dan ciri yang tersendiri tanpa ada sebarang garis panduan. Wujudnya pemerintahan beraja yang mana Raja itu di dampingi oleh Mufti sebagai penasihat terhadap hal-hal yang berhubung dengan hukum-hukum Islam. (Mohd Zain, 1992).

Dalam bidang ekonomi diperkenalkan sistem urusan zakat yang menjadi salah satu rukun Islam, dan mereka menjauhkan diri daripada amalan memakan riba, khasnya dalam bidang sukatan dan timbangan. Penubuhan bank Islam pertama di Brunei iaitu Tabung Amanah Islam Beraja (TAIB) yang telah dirasmikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 21 Rabiulawal 1412 bersamaan dengan 29 September 1991, juga adalah satu cara untuk mempraktikkan Islam sebagai cara hidup dan ia juga bertujuan memperkembangkan sosio-ekonomi umat Islam. TAIB memberi peluang kepada umat Islam di negara ini untuk melibatkan diri dalam bidang pelaburan dan pada masa yang sama menggalakkan sifat berjimat cermat. Bahkan TAIB juga terbua kepada orang bukan Islam (Abdul Aziz 1992:189). Dalam intisari titah perasmian baginda antara lain menekankan:

...kita adalah bersungguh-sungguh dalam mempraktikkan Islam sebagai cara hidup. Kita tingkatkan ibadat dan sambil itu kita juga membangun, dan bahkan terus membangun dengan berlandaskan ajaran-ajaran Islam itu.

Di samping itu, wujudnya tulisan Jawi yang telah berjasa menghapuskan buta huruf, dan bertanggungjawab menyebarkan agama Islam, dan bahasa Melayu yang menggunakan tulisan jawi telah menjadi bahasa agama Islam, serta telah

bertanggungjawab mengasas dan menyebarkan sistem pendidikan yang terawal dan menyebarkan ilmu pengetahuan, sebelum lagi datangnya pengaruh Barat ke Alam Melayu (Mohd Zain, 1992:36).

Pendidikan pada khususnya mestilah jelas, bahawa keperluan umum tidak akan mengatasi keperluan agama. Dalam makna, pendidikan agama juga hendaklah sama-sama diutamakan. Di peringkat asas, pendidikan agama hendaklah sempurna, sementara di peringkat tinggi pula hendaklah mampu melahirkan ulama dan cendekiawan berwibawa. Jangan sama sekali ia kurang atau dikurangkan. Kerana berdasarkan fakta sejarah di mana-mana sahaja, jika pendidikan agama lemah, maka akan lemah pulalah bangsa (Himpunan Titah, 2006)

Antara perubahan yang ketara juga dalam sistem pendidikan di Brunei Darussalam selepas penerapan nilai-nilai Islam, mulai 1931, bolehlah dianggap sebagai titik permulaan pelajaran agama diajarkan mengikut sistem persekolahan iaitu dengan menyalurkannya ke sekolah-sekolah Melayu Brunei (Abdul Rahman, 1979:3).

Adapun perkembangan pelajaran agama di Brunei, berlaku secara berperingkat-peringkat, setelah tahun 1931, diikuti pula dengan pembukaan rasmi tujuh buah sekolah agama di sebelah petang pada bulan September 1956. Kemudian, pengetahuan agama Islam dijadikan sebagai satu mata pelajaran di Brunei pada tahun 1965. Seterusnya penubuhan Sekolah Menengah Arab, Maktab Perguruan Ugama dan banyak lagi institusi-institusi Islam yang terdapat di Brunei dari dulu hinggalah sekarang. Terkini adalah penubuhan Universiti Islam Sultan Sharif Ali dan Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan di naikkan taraf menjadi Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan.

Dari sudut sosial, hidup masyarakat Brunei Islam kini didukung oleh musyawarah dan hidup bergotong royong, tolong menolong, hormat menghormati, berawar *galat*, bertegur sapa dan sebagainya. Nilai-nilai yang luhur ini adalah yang diajarkan oleh Islam. Mereka memperhatikan permaknaan dan perminuman bukan hanya dari segi rasa dan khasiat, bahkan dilihat juga dari sudut halal haramnya, dan ditinjau salah tidaknya dari ajaran Islam, dan dalam hidup bernegara diasuh supaya sentiasa taat kepada raja.

Pengharaman terhadap 'arak' bagi Negara Brunei Darussalam juga berlaku secara berperingkat. Peringkat pertama, pengharaman daripada Syarikat Penerbangan Diraja Brunei Airlines (Royal Brunei Airlines, RBA) yang tidak lagi menghidangkan arak dalam sebarang penerbangannya, mulai berkuatkuasa pada 20 Rabiulakhir 1409 bersamaan dengan 30 November 1988. Peringkat kedua, pengharaman daripada kelab-kelab Angkatan

Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) yang berkuatkuasa mulai 9 Muharram 1411 bersamaan dengan 31 Julai 1990. Peringkat terakhir, pengharaman secara total iaitu menegah kemasukan arak ke Brunei yang berkuatkuasa mulai 14 Jamadilawal 1411 bersamaan dengan 1 Disember 1991. Adapun semua permit untuk memasukkan segala jenis arak yang dikeluarkan sebelum tarikh tersebut adalah dibatalkan dengan serta merta. Sementara arak yang sudah dimasukkan atau dibuat dalam negara ini adalah dimansuhkan pada 15 Jamadilakhir 1411 bersamaan dengan 1 Januari 1991 (Abdul Aziz, 1992:168).

Langkah tegas ini juga diambil berikutan semakin ramainya umat Islam daripada berbagai peringkat termasuk kanak-kanak sekolah dan belia-belia terlibat meminum minuman keras, sekalipun selama ini Kerajaan telah menghadkan pengeluaran lesen menjual arak di kalangan orang bukan Islam yang sepatutnya hanya untuk orang bukan Islam dan sekalipun Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Banginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah menguatkuasakan Undang-Undang MUIB dan "Akta Ugama dan Mahkamah-Mahkamah Kadhi 1955" yang boleh menghukum mana-mana orang Islam yang sabit bersalah meminum minuman keras di tempat awam, namun masih ada di antara umat Islam yang terlibat meminum minuman keras itu. Langkah tegas melarang kemasukan segala jenis minuman keras ke dalam Brunei ini juga mencerminkan kesungguhan Kerajaan dalam menegekkan konsep MIB yang selaras dengan hukum Islam (Pelita Brunei, 1991).

Dalam sejarah perkembangan Islam di Brunei juga, mulai akhir tahun 1964, pelbagai perayaan keagamaan telah diadakan. Ini juga satu metode dakwah yang menarik muda-mudi dan orang ramai menghadirinya. Perayaan keagamaan ini bersempena dengan hari kebesaran dan dianggap bersejarah dalam Islam seperti memperingati Israk dan Mikraj junjungan kita Nabi Muhammad s.a.w pada 27 Rejab, memperingati hari Nuzul Al-Qur'an pada 17 Ramadan, dan memperingati hari lahir junjungan kita Nabi Muhammad s.a.w pada 12 Rabiulawal.

Antara acara-acara yang mengisikan perayaan tersebut ialah berzanji marhaban, nasyid, deklamasi puisi, ucapan para pemimpin negara dan yang penting sekali pada kemuncak perayaan itu ialah syarahan agama dari alim ulama tempatan. Penserah yang berkebolehan selalunya akan menarik perhatian orang ramai yang hadir dan sedikit sebanyak memberikan kesedaran dan keinsafan di hati mereka. Bacaan Al-Qur'an dan doa selamat akan menjadi pembuka dan penutup di upacara perayaan tersebut.

Apa yang menarik perhatian, perayaan keagamaan seperti ini bukan sahaja diadakan di ibu Negara

tetapi juga di tiap-tiap daerah Brunei dan Muara, Tutong, Belait dan Temburong. Inilah satu tradisi yang jarang ditemui di tempat-tempat lain (Pengiran Haji Mohammad, 2007). Hari kelepasan mingguan di Brunei ialah ditentukan hari Jumaat dan hari Ahad. Hari-hari kebesaran Islam pula adalah dijadikan hari kelepasan awam, sebagai misalnya bagi tahun 1989 ada 14 hari yang dijadikan hari kelepasan awam sepanjang tahun. 8 hari daripadanya ialah bagi memperingati hari-hari kebesaran Islam seperti Awal Tahun Hijrah, 12 Rabi'ul Awal (Maulud Nabi), 27 Rejab (Isra' Me'raj), Awal Ramadhan, 17 Ramadhan (Nuzul al-Qur'an), Hari Raya Puasa dan Hari Raya Haji (Mohd Zain, 1992).

### Kesimpulan

Perubahan sosio budaya masyarakat Islam Brunei setelah mengenal Islam telah banyak mengubah corak hidup masyarakat Brunei. Perubahan yang berlaku sama ada dari segi kepercayaan dan pegangan hidup, dari jahiliyyah kemudian mengenal Islam, telah memberi impak yang sangat besar kepada cara pemerintahan di Negara Brunei Darussalam. Dari perjuangan, pengorbanan, kesusahan dan kepayahan yang diperjuangkan Kesultanan Melayu Islam, pembesar-pembesar Negara dan pahlawan-pahlawan serta tokoh-tokoh agama dari dahulu kala, hinggalah kini memperjuangkan agama Islam dan bangsa, telah banyak membentuk dasar Negara yang menjadi asas terpenting di Negara Brunei Darussalam.

Selain itu juga, menjadikan dasar Negara konsep Melayu Islam Beraja (MIB) sebagai yang teratas dan rujukan, kementerian-kementerian yang menjadi pentadbir di Brunei mempunyai dasar-dasar yang seiringan dengan dasar MIB itu telah banyak membentuk amalan nilai-nilai Islam di Brunei sebagai cara hidup. Untuk menerapkan nilai-nilai Islami ke dalam diri masyarakat Brunei yang mempunyai adat dan kepercayaan yang sangat kuat kepada Hindu dahulu kala, adalah tugas yang sangat mencabar, kerana bukanlah mudah untuk mengubah paradigma dan kepercayaan hidup seseorang. Akan tetapi, rahmat dan hidayah daripada Allah itulah yang telah menjadikan Brunei Darussalam sebagai Negara Islam. Banyak usaha-usaha yang telah dilakukan dan sedang dijalankan oleh pihak Kerajaan atau swasta di Brunei untuk penerapan nilai-nilai Islam yang sepenuhnya kepada masyarakat Islam di Brunei.

Kerasmian Agama Islam di dalam perlembagaan di Brunei Darussalam, jelas apabila KDYMM sendiri pernah bertitah :

Beta percaya rakyat Beta yang dikasihi sekalian sedia memahami bahawa perkembangan-perkembangan bahagian Ugama yang telah dlancarkan dengan baiknya itu adalah merupakan pada keseluruhannya

sebagai **Alat atau Sistem untuk terus mencapai satu matlamat yang menjadikan Islam itu sebagai satu cara hidup yang lengkap dan penuh dengan nikmat** bagi keseluruhan rakyat dan penduduk di Negeri Brunei Darussalam ini....

Jelas disini menunjukkan, KDYMM sendiri menyokong dan mengharap sepenuhnya untuk penerapan nilai-nilai Islam di Negara Brunei Darussalam.

### Rujukan

- Abdul Aziz b.Juned. (1992) (Pehin Dato Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji) *Islam Di Brunei, Zaman Pemerintahan KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan Hj Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan Dan Yg Dipertuan Negara Brunei Darussalam*, ,Jil:1, Brunei: Jawatankuasa Kerja Penerbitan Buku-Buku Islam.
- Abdul Rahman Hj Abdullah. (1983). *Pemikiran Islam Tradisional di Nusantara*, Tesis Sarjana Sastera (MA) Jabatan Sejarah, UKM.
- Abd Rahman b Khatib Abdullah. (1979). *Pelajaran Ugama di Brunei. Kertas Kerja Kursus Sivik Guru-Guru Sekolah Rendah Negeri Brunei Maktab Perguruan Agama Seri Begawan*. Brunei Darussalam.
- Ahmad Ibrahim. (1973) (Prof) *Unsur Budaya Tradisional dalam Pemupukan Keperibadian Kebangsaan Malaysia dalam Asas Kebudayaan Bangsa*. Kuala Lumpur.
- Brown, Donald. (1970). Brunei: The Structure and History of a Borneon Malay Sultanate'. *Monograph of the Brunei Museum Journal*. 3(2) 120-122.
- Coedes, G. (1968) *The Indianized States of Southeast Asia*. East West Centre Press, Honolulu.
- Graham Saunders. (2002) *History Of Brunei*. Kuala Lumpur : Oxford University Press.
- Ibn Khaldun. (1978) *Muqaddimah*, N.J Dawood London : Routledge & Kegan Paul.
- Mohammad bin Hj Abdul Latif. (1994) (Awang Haji) *Brunei di tengah-tengah Nusantara*. Kumpulan Kertas Kerja Seminar Sejarah Brunei.
- Md Jamil al-Sufri b Awang Hj Umar. (1971). (Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato (Dr.) Haji) *Catatan Sejarah Perwira-perwira dan Pembesar-pembesar Brunei*, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Md Jamil al-Sufri b Awang Hj Umar. (1992) *Liku-Liku Perjuangan Pencapaian Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam*. Bandar Seri Begawan: Jabatan Sejarah.
- Mohd Rafee bin Haji Shahif. (2001) *Pentadbiran dan Pendidikan Islam di Brunei dalam Zaman Pemerintahan Sultan Hj Omar Ali Saifuddin*, Tesis Sarjana Pengajian Islam, UKM.

- Mohd Zain bin Hj Serudin. (1992) (Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Ustaz Haji) *Brunei Darussalam : Persepsi Sejarah & Masyarakatnya*. Brunei Darussalam: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yahya bin Hj Ibrahim. (1996) (Pehin Siraja Khatib Dato Ustaz) *Kesan-kesan kemasyarakatan terhadap Pengajian Islam dalam Pendidikan Agama di Negara Brunei Darussalam*. Brunei: Jabatan Pengajian Islam Brunei.
- Yahya bin Hj Ibrahim. (1989) *Pehin-Pehin Menteri Agama Sebagai "Institusi" dan Peranan Mereka dalam Pentadbiran dan Pemerintahan Negara Di Brunei*. Kertas kerja dalam Seminar Antarabangsa Tamadun Islam di Alam Melayu Brunei.
- Yahya bin Hj Ibrahim. (1969) *Sejarah Ringkas Kemasukan Islam*. Bandar Seri Begawan: Jabatan Sejarah Brunei.
- Low, H. (1880). Selesilah (Book of the Descent) of the Rajas Of Brunei. *Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society*. 5, 1-35.
- Ongkili, J.P. (1972). Pre Western Brunei, Sarawak and Sabah. *The Sarawak Museum Journal*. 30, 1-20.
- Pelita Brunei, 1991, Ms:7
- Pengiran Hj Mohammad bin Pengiran Hj Abd Rahman. (1992) (Dato Seri Setia (Dr) Hj) *Islam di Brunei Darussalam*. Brunei Darussalam : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Pengiran Hj Mohammad bin Pengiran Hj Abd Rahman. (2003) *Islam di Brunei Darussalam Zaman British (1774-1984)*. Brunei Darussalam : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sayid Muhammad Naguib Al-Attas. (1972) *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sweeney, P.L.A. (1969) Silsilah Raja-Raja Berunai. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*. 42(2), 222-224.